



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

WASATIYAH ASAS KESEJAHTERAAN

Tarikh Dibaca:

**21 JAMADILAWAL 1444H/
16 DISEMBER 2022M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

WASATIYAH ASAS KESEJAHTERAAN

16 DISEMBER 2022 / 21 JAMADILAWAL 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾
وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ ۱۴۳
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Perkara ini bertepatan dengan peringatan dari Nabi Muhammad SAW yang bersabda:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جُمُعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: “Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang *lagha*, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu”. (Hadis riwayat Abu Daud)

Tajuk khutbah pada hari ini ialah: “**Wasatiah Asas Kesejahteraan**”.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Selain itu, khatib turut ingin mengingatkan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan berlakunya bencana. Sentiasa peka dan cakna terhadap sebarang pengumuman dan amaran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Segeralah bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT dan bermunajat memohon pertolongan daripada-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT melindungi dan menjauhkan kita dari sebarang bala bencana.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Betapa kita seharusnya mensyukuri segala nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah SWT yang tidak terhitung banyaknya. Negara kita dikurniakan dengan nikmat sumber rezeki, kestabilan ekonomi, keindahan alam yang menyejukkan mata memandangi, iklim cuaca yang sederhana dan tidak terlalu ekstrem serta terhindar dari malapetaka dan bencana yang dahsyat. Dengan nikmat-Nya ini juga, kita dapat melaksanakan segala aktiviti kehidupan dengan lancar dan mencari rezeki serta mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Selain itu, Allah SWT mengurniakan kepelbagaian dari sudut bangsa, bahasa dan budaya yang menjadikan negara ini lebih unik dan menarik. Perbezaan-perbezaan ini juga tidak memisahkan antara satu sama lain, bahkan ia menjadi penguat dan kita dapat mencapai perdamaian yang kukuh dengannya. Berbeza dengan sebahagian negara lain yang masih lagi mencari-cari formula menyatupadukan masyarakatnya. Maka, sewajibnya kita mensyukuri segala nikmat ini dan tidak mengkufuri nikmat-Nya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Rahman:

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Maka yang mana satu antara nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)?”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Allah SWT boleh sahaja menghilangkan atau menarik balik nikmat yang kita kecapi pada hari ini. Antara sikap yang boleh merosakkan segala kenikmatan yang ada ini ialah sikap ekstrem yakni keterlaluan atau melampau dalam sesuatu perkara. Sesungguhnya sikap ekstrem ini sangat bertentangan dengan nilai Islam yang mengajarkan umatnya untuk bersederhana (*wasatiyah*) dan sentiasa berlaku adil (meletakkan sesuatu pada tempatnya) walau kepada sesiapa jua. Sejarah telah mencatatkan bahawa sejak zaman nabi Muhammad SAW lagi, telah wujud dari kalangan manusia mereka yang suka bertindak secara keterlaluan dan melampaui batas. Contohnya, kisah seorang lelaki yang bernazar untuk berpuasa dan berdiri di tengah panas matahari. Namun Rasulullah melarang lelaki itu berdiri di tengah-tengah panas matahari dan menyuruhnya meneruskan puasanya. Satu lagi catatan sejarah menceritakan tentang peristiwa yang berlaku selepas Perang Hunayn. Ketika Rasulullah SAW sedang membahagi-bahagikan ghanimah, seseorang bernama Dzu al-Khuwaisirah dari Bani Tamim telah menempelak Nabi SAW dengan cara yang tidak sepatutnya. Saidina Umar bangkit dan memohon kebenaran dari Rasulullah SAW untuk membunuhnya namun Rasulullah SAW menegah Umar dan seterusnya memberitahukan pandangan Baginda tentang keadaan masa hadapan kumpulan tersebut:

“Jangan, sesungguhnya dia mempunyai kumpulan yang mana solat kamu semua tidak dapat menandingi solat mereka, puasa kamu (tidak dapat menandingi) dengan puasa mereka. Mereka akan berlepas dari agama sepertimana anak panah terlepas daripada busurnya. Dia melihat kepada mata anak panahnya, maka tidak didapati suatu apa pun”.

Jangkaan ini akhirnya berlaku dan terbukti ketika berlakunya peperangan antara Saidina Ali dengan kaum Khawarij. Abu Sa'id telah berkata: *“Aku bersaksi bahawa aku telah mendengar hadis ini daripada Rasulullah SAW dan aku telah menyaksikan Ali bin Abi Talib memerangi mereka (Khawarij) dan aku bersama-samanya. Dia telah mengarahkan untuk mencari lelaki tersebut maka dibawakan kepadanya. Aku melihat padanya kriteria (yang bertepatan) sebagaimana telah disebutkan oleh Baginda Rasulullah SAW”.*¹

¹ Sahih al-Bukhari.

Berdasarkan hadis ini, para ulama menjelaskan bahawa walaupun golongan ini dikenali sebagai kuat beribadah, namun mereka sering bertindak secara melampau dan keterlaluan. Mereka tidak mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang jelas dalam banyak perkara namun bertindak seolah-olah merekalah yang lebih mengetahui segalanya berbanding orang lain.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam mengajar umatnya untuk saling mengasihi dan menyayangi antara satu sama lain. Keperibadian seseorang Muslim yang tinggi dicerminkan daripada pertuturan yang baik tidak kira sama ada secara lisannya mahupun secara penulisannya serta tingkah lakunya terhadap orang di sekelilingnya. Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَرْحَمُ اللَّهُ مَنْ لَا يَرْحَمُ النَّاسَ

Maksudnya: “Barang siapa yang tidak menyayangi manusia lain, maka Allah tidak akan menyayanginya”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Dalam hadis lain pula, diriwayatkan oleh Abdullah bin Amr bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلَّمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

Maksudnya: “Seseorang Muslim itu ialah mereka yang membuatkan Muslim lain selamat dari kejahatan lidahnya dan juga tangannya”.

Seseorang Muslim yang baik ialah mereka berusaha memasukkan dirinya dan orang lain ke dalam syurga. Setiap Muslim mesti memiliki toleransi yang tinggi terhadap setiap perbezaan kerana ia merupakan rahmat. Dalam menjalankan tugas dakwah atau apa-apa jua nasihat kebaikan, kita perlulah melaksanakannya dengan penuh hikmah (kebijaksanaan) dan beradab. Kita mesti berpegang dengan prinsip bahawa dakwah itu mengajak bukan mengejek, merangkul bukan memukul, menyayangi bukan menyaingi, mendidik bukan membidik, membina bukan menghina, mengubati bukan melukai, mencari solusi bukan mencari simpati, membela bukan mencela, menasihati bukan mencaci maki. Allah SWT berfirman:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”. (Surah al-Nahl 125)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ilmu merupakan salah satu ubat mujarab bagi mengatasi penyakit ekstremisme ini. Syeikh Yusuf al-Qaradhawi menakalkan kata-kata Imam Hasan al-Basri dalam kitabnya *Zhahiratu al-Ghuluw Fi al-Takfir*.

“Orang yang bekerja tidak atas dasar ilmu, sama dengan orang yang berjalan tidak di atas jalan yang benar. Orang yang bekerja tidak berdasarkan ilmu, akan membuat lebih banyak kerosakan daripada kebaikan. Oleh sebab itu, hendaklah kamu menuntut ilmu, tanpa meninggalkan ibadah dan mengerjakan ibadah tanpa merugikan ilmu. Ada satu kaum yang tekun beribadah, tetapi meninggalkan ilmu. Oleh sebab itu, mereka bangkit memanggul² senjata memerangi umat Muhammad SAW. Sekiranya mereka menuntut ilmu, maka ilmu itu tidak akan membimbing mereka melakukan apa yang seperti mereka lakukan”.

Justeru, khatib menyeru kepada seluruh kaum muslimin dan muslimat agar sentiasa berpegang teguh dengan ajaran al-Quran dan panduan hadis Rasulullah SAW. Tidak akan sesat selamanya jika kita berpegang teguh pada keduanya kerana ia jaminan yang telah diberikan oleh Rasulullah SAW. Berusahalah menuntut ilmu yang akan menjadi bekal dan pemelihara diri dari perkara-perkara fitnah dan ujian di dunia. Teguhkan diri dengan nilai integriti yang tinggi dan bersungguh-sungguh (*itqan*) melaksanakan segala

² memikul, men-julang: ~ senjata; ~ tajak. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

tanggungjawab dengan amanah dan baik. Berusahalah melakukan setiap perkara dengan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT dan sentiasa konsisten (*istiqamah*) atas jalan kebenaran dan jalan yang diredhai Allah SWT.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin merumuskan khutbah kepada beberapa intipati:

Pertama: Kita wajib mensyukuri atas segala nikmat dan kurniaan Allah SWT yang tidak terhitung banyaknya.

Kedua: Sikap ekstrem telah muncul sejak dari zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Sikap ini menjadi salah satu punca yang mengganggu gugat kestabilan, keamanan dan perpaduan sesebuah negara. Menuntut ilmu merupakan salah satu ubat mujarab bagi mengatasi penyakit ini.

Ketiga: Kita dituntut untuk menggunakan pendekatan yang sederhana dan penuh hikmah (bijaksana) dalam mengendalikan sesuatu perkara agar natijahnya dapat dicapai secara holistik dalam usaha mencapai kesejahteraan negara.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-Maaidah ayat 8:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوِّمِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَا

تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَاءِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya dan sentiasa menjadi sasaran para musuh Islam untuk menghancurkannya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا
 مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
 بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا رَاجِ قِرْمَايسُورِي اِكُوغْ، تُونُوكْ
 حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ
 إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai

kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ﴾

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.